

AGAMA ITU NASIHAT

SEPINTAS LALU DALAM PERKARA YANG MENGENAI AGAMA MASJID DAN PENGARUH-PENGARUHNYA PADA ZAMAN RASULULLAH (SAW)

Apabila disebut masjid maka dengan serta merta, oleh keadaan-keadaan sekarang, tergambar di hadapan mata kita berduyun-duyun orang tua-tua dan sebahagian daripada belia-belia kita tiap-tiap Jumaat pergi ke masjid menunaikan sembahyang Jumaat, suatu ibadat yang biasa dan selain daripada pandangan dan perasaan itu tidak ada suatu kesan yang lain akan apa ertinya masjid itu kepada lingkungan masyarakat kita dan ertinya kepada masyarakat itu.

Junjungan kita Muhammad *ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam* diutus ke dunia adalah untuk memperbaiki akhlak manusia. Keburukan yang terjadi sebelum zahir Nabi Muhammad itu semuanya adalah daripada akibat akhlak manusia yang rosak. Rencana perhitungan perjuangan Nabi kita sebagai Rasul Ilahi kerana perdamaian dunia, adalah daripada jurusan akhlak. Nabi melihat akhlak manusia yang rosak lalu diberinya peraturan untuk pergaulan supaya akhlak manusia menjadi baik; dan pada saat manusia telah dapat memaham akan akhlak itu bagi kehidupannya maka baharulah Tuhan memanggil Rasul-Nya pulang. Tegak benar pengakuan Nabi kita atas kerja yang akan dilakukannya dengan sabdanya: *“innamā bu’ithtu li utammima makārim al-akhlāq”* (Aḥmad). Maksudnya: “sesungguhnya aku diutus tidak lain melaikan bagi menyempurnakan perangai yang mulia.”

Inilah siasah perjuangan Nabi dan inilah pula yang menjadi perhitungan berhasil atau tidaknya perjuangannya itu. Selama 23 tahun cukup sudah apa yang dikehendaki Tuhan supaya disempurnakan olehnya dan dalam masa itu ia mencurahkan tenaga sehingga dunia cukup merasai aman dan sejahtera dengan tidak ada sesuatu yang menjadi

tolok bandingnya. Dengan ini pula dapat kita mengetahui bahawa sesatnya jalan pemimpin-pemimpin dunia mencari jalan itulah yang menimbulkan bala besar yang akan membakar dunia – sebelum berusia 40 tahun ia telah dapat bahan perjuangan bagi menghadapi manusia. Iaitu manusia dalam semua gerak-gerinya sentiasa mengutamakan kebenaran tetapi kebenaran itu tak dapat dihitungkannya sampai jauh. Banyak manusia mengakui kebenaran itu bagi dirinya tetapi belum tentu dapat menjadikan kebenaran itu bagi orang lain. Abu Lahab dan Abu Jahal serta pengikut-pengikutnya berbuat sekehendak hatinya di Mekah dengan berkeyakinan bahawa mereka benar. Jadi kebenaran yang dikemukakan satu-persatu masing-masing manusia mengikut golongannya sahaja, dan inilah yang menyebabkan tidak ada kebenaran, dan inilah penggal persengketaan, permusuhan dan payah bersefahaman. Semuanya itu adalah menjadi tangga untuk akhlak turun dari tempatnya dan manusia rendah akhlak dan budi pekertinya.

Di tengah-tengah keadaan yang demikian inilah Tuhan telah mengutus Nabi Muhammad *ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam* supaya manusia mengetahui bahawa kebenaran itu tidak lain datangnya daripada Allah. Firman-Nya maksudnya: ertinya kebenaran itu dari Tuhan

mu kerana itu janganlah engkau daripada orang yang ragu-ragu. (‘Āli ‘Imrān 60). Ayat ini menjadi cemeti bagi manusia yang mengatakan bahawa mereka dapat menjadi punca kemenangan.

Di dalam lingkungan-lingkungan musuh-musuh yang besar maka Nabi dengan tidak gentar menyerlahkan kebenaran itu kepada manusia sekalipun di sekelilingnya keadaan-keadaan mengancam dan menggugat jiwa Nabi dan pengikut-pengikutnya. Percubaan mengemukakan kebenaran di Mekah telah payah jalannya kerana Abu Lahab, Abu Jahal dan kakitangannya bukannya sahaja tidak mahu menerima kebenaran itu tetapi telah menganiyai pembawa kebenaran itu. Semuanya menjadi pengalaman oleh Nabi untuk menegakkan kebenaran dengan ancaman, pujukan dan seksaan yang menyebabkan Nabi terpaksa berhijrah ke Madinah.

Sampainya di Madinah pekerjaan yang pertama dilakukan oleh Nabi ialah mendirikan masjid iaitu pada tahun 632 Masihi dan di masjid itulah Nabi memulai rancangan




Gambar masjid Banjarmasin yang lama yang terletak berhampiran tepi sungai – gambar Qalam.

perjuangannya. Bangunan dan bentuk masjid itu berlainan dengan bentuk rumah yang didiami manusia, rumah yang mempunyai bilik-bilik dan perhiasan. Di dalam masa mengadakan langkah yang pertama ini Nabi tidak mendirikan sekolah, tidak mendirikan rumah sakit sedang kedua-duanya sangat mustahak untuk jasmani dan rohani manusia. Mengapa? Tidak lain kerana sekiranya manusia dapat memaham apa sebab masjid itu dapat diadakan nescaya ia akan mengetahui segala keperluan yang dihajati untuk hidup ada padanya.

Kebanyakan kita sekarang memandang masjid itu sebagai suatu tempat yang dikunjungi manusia tiap-tiap hari Jumaat umumnya. Kita lihat di sana manusia berkumpul mendengar nasihat dan sembahyang. Yang demikian cuma penglihatan kita bahkan ada pula yang memandang masjid itu hanya sebagai tempat orang yang benci kepada dunia datang kepadanya. Sangkaan ini adalah menjauhkan kita daripada wujud dan kehendak yang dimaksud dengan masjid itu; itulah pula maka kita jauh dari kebenaran dan tak dapat menegakkan kebenaran. Masjid itu adalah tempat yang digunakan untuk sujud kepada Tuhan dan sujud kepada Tuhan itu bermakna manusia itu berasa bahawa kekuasaan dan kekuatan itu di tangan Tuhan.

Apabila manusia telah dapat merasa kekuasaan dan kekuatan itu di tangan Tuhan maka dengan sendirinya ia tidak mahu berdusta, khianat, nifaq dan lain-lainnya. Sebab manusia berdusta, khianat, sombong itu adalah untuk merebut kekuasaan dan kekuatan – baik dalam penghidupan, dalam siyasah, dalam perang dan lain-lainnya. Apabila hal ini dapat dirasa oleh manusia maka itulah menjadi permulaannya ia berani, jujur, ikhlas yang kesemuanya menjadi tiang pergaulan dan menjadi tanda bahawa manusia itu mempunyai akhlak.

Kaum Muslimin dahulu kala dengan masjid dapat mulia sebab di sana dapat mereka berhubung dengan Tuhan dan dengan sesama manusia. Tetapi setelah itu kaum Muslimin yang kemudiannya melepaskan kedua-dua pertalian itu iaitu pertalian dengan Tuhan



Gambar masjid di Malang (Jawa). Kedudukannya di tengah-tengah bandar dan rupanya indah. Terbuat daripada batu – gambar Qalam.

dan perhubungannya dengan manusia dan kerana itu jadilah mereka rendah dan hina. Keadaan ini menepati sebagaimana firman Allah yang maksudnya: “ditimpakan kehinaan atas mereka di mana sahaja mereka berada sehingga mereka kembali mengadakan pertalian jiwa dengan Tuhan dan perhubungan dengan manusia.”

Kaum Muslimin yang pada siang hari menjadi saudagar, tentera, pekerja, berniaga dan sebagainya yang payah akan berjumpa akan tetapi dengan berjemaah bersama di masjid mereka dapat berjumpa dan sama berbakti mengabdikan diri kepada Tuhan dan setelah mereka masuk ke masjid mereka berfikir dan berperasaan dengan satu hal sahaja lagi iaitu berhadapan dengan Tuhan.

Walaupun ‘Umar ibn al-Khaṭṭab yang terkenal berani, Khālid ibn al-Walīd ahli perang, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Auf saudagar tatkala mereka masuk ke masjid, mereka tidak berasa lagi sebagai pahlawan perang atau saudagar – begitu juga yang lain-lainnya. Dengan keadaan ini mudahlah membuat rancangan dan mudah pula melakukannya. Yang menjadi sebab susah mendapat persatuan ialah apabila saudagar berfikir mengikut hitungan untung dan rugi juga di hadapan Tuhan, ahli peperangan menghitung angka lemah dan kuat, peladang dengan cepat dan lambat, guru dengan suka dan payah – semuanya

keadaannya berlainan-berlainan tetapi di dalam masjid semuanya bersatu dengan mengingat bahawa Tuhan satu, dan manusia ini semuanya sama sahaja di hadapan Tuhan – kebenaran itu datangnya dari Tuhan – bukannya sebagai perhitungan manusia.

Dengan masjid inilah Nabi dapat menegakkan kebenaran. Dengan masjid kekuasaan dan kekuatan Rom dan Parsi diruntuhkan; dan Nabi pulang semula memegang tampuk kekuasaan di Mekah yang dahulunya Nabi terpaksa meninggalkannya. Sebab daripada masjid dipancarkan kebenaran; di sana kebenaran itu dirunding dan dipertahankan; fikiran dan perasaan dalam kehidupan dapat dipadu dan disatukan, diratakan dengan keadaan-keadaan yang ditimbulkan oleh erti masjid itulah yang dapat merundingkan kebenaran bagi manusia yang hendak benar. Dengan inilah maka Nabi dapat menguasai dunia dalam masa 23 tahun, bukan sahaja menguasai cara kekuatan tetapi juga menguasai fikiran manusia; dan tinggal dunia dipenuhi oleh manusia yang berakhlak baik, sanggup mendaman keamanan bersama.

Dengan keterangan-keterangan yang tersebut dapatlah diketahui bahawa pengaruh masjid bagi kita untuk menegakkan kebenaran.

Dunia tercengang melihat bagaimana Nabi kita menegakkan kebenaran di hadapan kekuatan dalam masa yang sebegitu singkat, sehingga tidak bermakna kekuatan yang menghalanginya itu; di sini dunia mengetahui bahawa Nabi kita mempunyai jasa benar dan besar kepada dunia, dan segala yang disebut kebenaran Islam yang dipandang sebagai jasa Islam pada dunia ialah masjid puncanya.

Hingga sekarang lebih daripada 1350 dunia mengenal masjid akan tetapi sekarang bukanlah masjid-masjid itu mempunyai makna sebagaimana masa Rasulullah dan sahabat-sahabatnya. Sebab itu janganlah kebenaran Islam dapat diikuti bahkan kita dapati keadaannya hampir padam.

Sekarang kita hidup di dalam kurun senjata iaitu dunia yang menyatakan bahawa sesiapa yang mempunyai senjata kekuatan, kebenaran itu kepunyaannya; dan dengan ini pula kaum muslimin takut menyatakan kebenaran, takut mempertahankan

kebenaran (hak), sebab dilihatnya kekuatan itu kuasanya besar. Yang demikian ini tidak menghairankan sebab masjid telah mereka jauhi. Selama masjid-masjid yang menjadi punca kekuatan Islam telah kurang didatangi manusia maka selama itu pula ia merasa bahawa kebenaran itu tak dapat ditegakkan jika tidak ada kekuatan senjata.

Kaum Muslimin dahulu sekeluarnya dari masjid tidak lagi berasa kekuatan manusia dilihat sebagai penghalang kebenaran; dan dengan itulah sebabnya menjadikan masjid-masjid itu ramai kerana di sanalah terletak kekuatan dan jalan yang betul.

Firman Allah (maksudnya): “hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari kemudian serta sentiasa sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, mudah-mudahan mereka itu daripada orang-orang yang terpimpin”. (al-Tawbah 18)

Kurangnya pengertian kita kepada masjid itu adalah tersebut banyak ajaran-ajaran Tuhan di masjid itu tidak dapat difaham, tidak dapat difaham itu ada kalanya diterangkan dengan bahasa yang tidak difaham oleh pendengar-pendengarnya sehingga dengan itu ada yang mengira masjid itu tempat memperbodoh



Gambar masjid Banjarmasin yang baharu yang terletak di pertengahan bandar. Masjid ini besar dan cantik rupanya. Atapnya dibuat daripada kayu (blend) dan dindingnya dibuat daripada papan

- gambar Qalam.

manusia.

Tetapi ada pula yang mustahak diingat, walaupun masjid itu manusia yang membuatnya tetapi ia bukanlah kepunyaan manusia sebagai rumah yang boleh dibuat sesuka hatinya. Masjid-masjid itu semata-mata menyusun langkah terhadap peraturan Tuhan bagi pergaulan kita di dunia, bukan bagi keperluan seseorang atau segolongan.

Firman Allah (maksudnya): “sesungguhnya masjid-masjid itu kepunyaan Allah kerana itu janganlah kamu mengadakan sesuatu yang menyengutkan Allah”.

Dalam zaman kita ini, dalam masa dunia gelap gelita maka mustahak kita mengusahakan supaya masjid itu balik ramai dan manusia mengetahui bahawa masjid itulah dahulunya yang menjadi kekuatan Nabi. Memelihara masjid, apalagi dapat mendirikan itulah namanya kita membina kebenaran di atas pergaulan manusia. Sabda Rasulullah (maksudnya): “barangsiapa mendirikan masjid kerana Allah, nescaya Allah dirikan baginya sebuah rumah seperti itu di dalam syurga”. (Bukhari dan Muslim)

Bagi umat Islam, gedung perdamaian yang tak berubah dan bergoncang ialah masjid. Di sanalah nasib sesamanya terhadap Tuhan dapat dikira mengikut angka-angka kebenaran dan keadilan. Tetapi masjidnya ialah masjid sebagai yang diberikan oleh Rasulullah (SAW) adanya.

—
“Barangsiapa mempunyai dua muka di dunia maka adalah baginya dua lidah daripada api pada hari kiamat. – maksud hadis riwayat Bukhārī dan Muslim.

Berubatlah hai hamba-hamba Allah Ta‘ālā! Kerana Allah Ta‘ālā tidak mengadakan satu penyakit melainkan ia adakan ubat baginya, selain daripada satu penyakit iaitu tua (maksud hadis riwayat Aḥmad, Abū Dāwud dan Tirmidhī).